

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 18 Mac 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA**  
**FEBRUARI 2024**

*Prestasi perdagangan Malaysia kekal positif pada Februari 2024, mencatatkan peningkatan 3.3 peratus*

**PUTRAJAYA, 18 Mac 2024** – Perdagangan Malaysia meneruskan momentum pada Februari 2024, dengan peningkatan 3.3 peratus dalam jumlah dagangan daripada RM205.0 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM211.8 bilion. Peningkatan dalam jumlah dagangan seiring dengan kenaikan 8.4 peratus dalam import kepada RM100.5 bilion, terutamanya didorong oleh barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan). Sebaliknya, eksport menyusut secara marginal 0.8 peratus atau RM939.5 juta manakala imbangan dagangan merosot 44.4 peratus kepada RM10.9 bilion pada Februari 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, FEBRUARI 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi eksport Malaysia menurun pada Februari 2024 sejajar dengan penguncupan dalam eksport semula. Eksport semula berjumlah RM19.8 bilion, merosot 20.2 peratus manakala eksport domestik bernilai RM91.5 bilion, menyumbang 82.2 peratus kepada jumlah eksport meningkat 4.7 peratus berbanding Februari 2023. Sebaliknya, import bernilai RM100.5 bilion, meningkat 8.4 peratus. Sementara itu, lebihan dagangan merosot 44.4 peratus kepada RM10.9 bilion, merupakan lebihan dagangan ke-46 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Membandingkan prestasi perdagangan dengan Januari 2024, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 9.1 peratus, 10.5 peratus dan 9.7 peratus. Manakala, imbangan dagangan mencatatkan kenaikan 6.9 peratus.”

Melihat dari sudut kumpulan barang, 113 daripada 257 kumpulan eksport menunjukkan penurunan, namun 172 daripada 259 kumpulan import meningkat berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa eksport yang lebih rendah disumbangkan oleh penurunan terutamanya ke Singapura (-RM2.8 bilion) diikuti oleh Hong Kong (-RM2.1 bilion), Thailand (-RM1.0 bilion), Republik Korea (-RM476.7 juta) dan Brazil (-RM396.8 juta). Selain itu, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari Singapura (+RM2.8 bilion) diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM1.1 bilion), Emiriah Arab Bersatu (+RM871.0 juta), Republik Korea (+RM793.5 juta) dan Kesatuan Eropah (+RM739.7 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penurunan ini sejajar dengan kejatuhan dalam barang elektrik & elektronik (-RM4.4 bilion); keluaran petroleum (-RM1.7 bilion); minyak sawit & keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit (-RM579.4 juta) dan kimia & bahan kimia (-RM351.8 juta). Manakala, kenaikan import dicatatkan untuk barang elektrik & elektronik (+RM2.8 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM2.0 bilion); keluaran petroleum (+RM1.1 bilion) dan barang perkilangan logam (+RM872.4 juta).

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barang modal, barang penggunaan dan barang perantaraan. Import barang modal bernilai RM10.2 bilion, meningkat 30.3 peratus berbanding Februari 2023, mewakili 10.2 peratus daripada jumlah import. Barang penggunaan (8.4% daripada jumlah import), meningkat 19.7 peratus daripada RM7.0 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM8.4 bilion. Barang perantaraan (55.5% daripada jumlah import), bernilai RM55.8 bilion, mencatatkan peningkatan 14.3 peratus atau RM7.0 bilion."

Jumlah dagangan, eksport dan import bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 mencatatkan peningkatan 8.3 peratus, daripada RM412.1 bilion kepada RM446.4 bilion, sejajar dengan peningkatan eksport (+3.9%) serta import (+13.6%). Pada masa yang sama, lebihan dagangan berkurangan 44.2 peratus mencatatkan nilai RM21.0 bilion.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum


atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.


**Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Feb 2024  
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)**




**Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024 (Jan-Feb)**



Carta 3: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),  
 Jan 2023 – Feb 2024  
 (Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)  
 2020 – 2024 (Jan-Feb)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
 JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**18 MAC 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, March 18<sup>th</sup>, 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS  
FEBRUARY 2024**

---

***Malaysia's trade performance remained positive in February 2024 to note an increase of 3.3 per cent***

**PUTRAJAYA, March 18, 2024** – Malaysia's trade continued to gain momentum in February 2024, with a 3.3 per cent increase in total trade from RM205.0 billion in the previous year to RM211.8 billion. The increase in total trade coincided with a rise of 8.4 per cent in imports to RM100.5 billion, mainly driven by capital goods (excluding transport equipment). On the contrary, exports dropped marginally by 0.8 percent or RM939.5 million while trade balance fell by 44.4 per cent to RM10.9 billion in February 2024 as reported today in **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BULLETIN, FEBRUARY 2024**. This bulletin also presents the performance of export and import products with its trading partners.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's export performance decreased in February 2024 in line with the decline in re-exports. Re-exports amounted to RM19.8 billion, dropped by 20.2 per cent while domestic exports worth RM91.5 billion, contributing 82.2 per cent to total exports rose by 4.7 per cent as compared to February 2023. In contrast, imports worth RM100.5 billion, increased by 8.4 per cent. On the other hand, trade surplus decreased 44.4 per cent to RM10.9 billion, the 46<sup>th</sup> consecutive month of surplus since May 2020. Comparing the trade performance with January 2024, exports, imports and total trade recorded a contraction of 9.1 per cent, 10.5 per cent and 9.7 per cent, respectively. On the contrary, trade balance recorded an increase of 6.9 per cent."

From the perspective of commodity group, 113 out of 257 export groups showed a decline, while 172 out of 259 import groups increased as compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia explained that the lower exports was attributable from

*the decrease mainly to Singapore (-RM2.8 billion) followed by Hong Kong (-RM2.1 billion), Thailand (-RM1.0 billion), Republic of Korea (-RM476.7 million) and Brazil (-RM396.8 million). Meanwhile, higher imports was mainly contributed by Singapore (+RM2.8 billion) followed by the United States (+RM1.1 billion), the United Arab Emirates (+RM871.0 million), Republic of Korea (+RM793.5 million) and the European Union (+RM739.7 million).*

*Commenting further on exports, the drop was in line with the decrease in electrical & electronic products (-RM4.4 billion); petroleum products (-RM1.7 billion); palm oil & palm-based agriculture products (-RM579.4 million) and chemical & chemical products (-RM351.8 million). Meanwhile, the increase in imports was logged for electrical & electronic products (+RM2.8 billion); machinery, equipment & parts (+RM2.0 billion); petroleum products (+RM1.1 billion) and manufacture of metal (+RM872.4 million).*

*Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The rise in imports by End Use was in line with higher demand for capital goods, consumption goods and intermediate goods. Imports of capital goods with a value of RM10.2 billion, rose by 30.3 per cent as compared to February 2023, representing 10.2 per cent of total imports. Consumption goods (8.4% of total imports), grew by 19.7 per cent from RM7.0 billion in the previous year to RM8.4 billion. Intermediate goods (55.5% of total imports), valued at RM55.8 billion, registered an increase of 14.3 per cent or RM7.0 billion."*

*Total trade, exports and imports for the period of January to February 2024 registered an improvement. Total trade grew by 8.3 per cent, from RM412.1 billion to RM446.4 billion, in line with the rise in exports (+3.9%) as well as imports (+13.6%). On the contrary, trade surplus decreased by 44.2 per cent to post a value of RM21.0 billion.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*


*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:*


- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721

ii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.


*Chart 1: External Trade Statistics, Jan 2023 – Feb 2024  
(Value and Annual Percentage Change)*




*Chart 2: External Trade Statistics, 2020 – 2024 (Jan-Feb)*



*Chart 3: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,  
Jan 2023 – Feb 2024  
(Value and Annual Percentage Change)*



*Chart 4: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,  
2020 – 2024 (Jan-Feb)*



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**18 MARCH 2024**